Anugerah cemerlang buat graduan Kelas Pertama Lasalle

SHAHIDA SARHID

SETIAP kali pensyarahnya memberinya tugasan, Cik Nur Shireen Marican melaksanakannya dengan cekap dan menganggapnya sebagai satu projek profesional.

"Saya menganggap segala tugasan yang diberikan bukan sebagai kerja sekolah tetapi mempersembahkannya seolah-olah pensyarah saya itu adalah majikan saya," kata bekas pelajar Maktab Seni Lasalle ini.

Ekoran dedikasi dan komitmennya itu, siswazah Pengurusan Seni ini telah dipilih sebagai penerima Anugerah Lasalle bagi Kecemerlangan Akademik.

Anugerah itu diberikan kepada pelajar terbaik setiap fakulti yang telah berjaya mengekalkan kedudukan akademik cemerlang sepanjang pendidikan mereka di Maktab Seni Lasalle.

Anak bongsu dua beradik itu yang meraih Kepujian Kelas Pertama dalam Pengurusan Seni merupakan antara 852 graduan yang bakal menerima ijazah dan diploma mereka semasa Konvokesyen Maktab Seni Lasalle di Pusat Pameran dan Konvensyen Singapore Expo hari ini

Menurut Cik Shireen, yang sebelum ini merupakan bekas pelajar Maktab Rendah Tampines, pilihan melanjutkan pelajarannya dalam bidang pengurusan seni merupakan satu pilihan yang diingininya sejak dulu lagi. "Memang kebanyakan teman saya melan-

"Memang kebanyakan teman saya melanjutkan pelajaran ke universiti setempat dan mengambil kursus biasa, tetapi saya sebaliknya mahu memilih pengurusan seni kerana bagi saya seni itu sesuatu yang amat organik. "Tiada yang salah atau betul dalam seni.

"Hada yang salah atau betul dalam sen. Tambahan, pengalaman yang saya raih di Lasalle memberi saya peluang agar terus mempertingkat dan membangunkan potensi saya dalam bidang ini, "ujarnya. Bekas pelajar Sekolah Menengah Tanjong

Bekas pelajar Sekolah Menengah Tanjong Katong itu berminat mahu menjadi kurator muzium dengan pengkhususan kepada budaya dan warisan.

Buat masa ini juga, Cik Nur Shireen telahpun mendapat kerja sebagai pengkaji bebas di Taman Warisan Melayu bermula Mei lalu selepas tamat pengajian di Maktab Seni Lasalle.

man Harian Markay to minda Meriant Selepas tamat pengajian di Maktah Seni Lasalle. Mengulas tentang pencapaian Cik Nur Shireen, pensyarahnya Cik Sunitha Janamohanan, berkata: "Cik Nur Shireen merupakan seorang pela-

"Cik Nur Shireen merupakan seorang pelajar yang komited dan tekun yang sering mengambil bahagian dalam perbincangan kelas sambil memberi sumbangan bernas. Sepanjang pengajiannya di Lasalle, beliau sering memaparkan prestasi cemerlang dan profesional."



CIK NUR SHIREEN MARICAN: Atas dedikasi dan komitmennya, beliau dipilih sebagai penerima Anugerah Lasalle bagi Kecemerlangan Akademik. – Foto JOHARI RAHMAT

Berita Harian, Pg 1, 18 September 2017 Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings Limited. Permission required for reproduction

Award of excellence for First Class LASALLE graduate By Shahida Sarhid

EACH time her lecturer gives her an assignment, Miss Nur Shireen Marican treats it as a professional project and endeavours to complete it competently.

"I regard every assignment not as schoolwork but as if my lecturer is my employer," says the recent graduate of LASALLE College of the Arts.

Due to her dedication and commitment, Shireen received the LASALLE Award for Academic Excellence. This award is given to the best student of each school for maintaining excellent academic performance throughout their studies at the College.

Miss Shireen, the youngest of two children, was awarded First Class Honours in Arts Management and is among 852 graduates who will be receiving their degrees and diplomas at LASALLE's 31st Convocation which was held at the Singapore EXPO Convention & Exhibition Centre today.

According to Miss Shireen, a former Tampines Junior College student, the choice to pursue her studies in arts management was something she had always wanted to do for a long time.

"It is true that many of my friends continued their studies at local universities and opted for traditional fields of study. But I, on the other hand, chose arts management because to me, art is something that is very organic. There is no right or wrong in art. Furthermore, the experience I gained at LASALLE gave me the opportunity to continue to improve and refine my talent in this field," she adds.

The former Tanjong Katong Secondary School girl is keen to become a museum curator specialising in culture and heritage.

Miss Shireen is currently employed as a freelance researcher by the Malay Heritage Centre since last May. This was straight after completing her studies at LASALLE.

Commenting on Miss Shireen's achievements, her lecturer Miss Sunitha Janamohanan, said: "Shireen is a committed and diligent student who always participates in class discussions with well-thought contributions. Throughout her studies at LASALLE, she has consistently delivered work that was of an exceptional and professional standard."

Photo: For her dedication and commitment, Miss Shireen was awarded the LASALLE Award for Academic Excellence.